



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## **KENYATAAN MEDIA**

### **DUA KANAK-KANAK DITEMUKAN RENTUNG DALAM KEJADIAN KEBAKARAN**

Saya berasa amat dukacita apabila mengetahui tentang kes kebakaran yang melibatkan dua kanak-kanak berumur 7 dan 10 tahun di Kampung Simpang Tiga, Gombak pada awal pagi tadi. Kedua kanak-kanak didapati terkunci di dalam rumah kediaman tersebut sehingga menyebabkan kematian. Berdasarkan maklumat awal, kejadian ini berpunca dari litar pintas. Kejadian kebakaran ini telah melibatkan 3 buah rumah dengan jumlah 8 orang mangsa.

KPWKM telah memberikan bantuan awal dalam bentuk sumbangan barangan keperluan bencana kepada mangsa-mangsa yang terlibat dan sedang dalam proses mengenal pasti bantuan bersesuaian untuk diberikan kepada mangsa-mangsa terlibat. Pusat Pemindahan Sementara (PPS) telah dibuka di Balai Raya Kampung Simpang 3, Gombak.

Berdasarkan Akta Kanak-Kanak 2001, ibu bapa atau penjaga yang mengabaikan anak-anak tanpa pengawasan yang sewajarnya boleh diambil tindakan di bawah Seksyen 33 (1) Akta Kanak-Kanak. Kes sedang disiasat oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Saya ingin menasihati ibu bapa dan penjaga agar sentiasa menjaga, mengawasi dan tidak mengabaikan anak-anak . Jiran tetangga serta komuniti setempat juga perlu melaporkan kepada JKM sekiranya terdapat kes kanak-kanak yang ditinggalkan tanpa pengawasan serta diabaikan.

###

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**

**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**2 JANUARI 2023**